

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' JOHARI BIN ABDUL [SUNGAI
PETANI]**

TARIKH : 25 OKTOBER 2021 (ISNIN)

SOALAN :

DATO' JOHARI BIN ABDUL [SUNGAI PETANI] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk membuat perubahan dengan memisahkan entiti Peguam Negara dan Pendakwa Raya. Jika tidak, apakah yang menghalang pemisahan ini.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada ketika ini Kerajaan melalui Jabatan Peguam Negara telah menjalankan Kajian Pengasingan Peranan Pendakwa Raya dan Peguam Negara yang merupakan inisiatif di bawah Tonggak 1 Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas. Inisiatif tersebut juga turut dimasukkan sebagai Perkara 4.1.5 Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023. Kajian terperinci tersebut telah melihat amalan terbaik global dan mengkaji secara mendalam sistem dan struktur pendakwaan di 9 buah negara.

Hasil kajian tersebut telah dimuktamadkan dan cadangan pindaan Perlembagaan serta undang-undang lain yang berkaitan juga telah dikenal pasti. Turut disediakan dalam laporan kajian tersebut ialah struktur Pejabat Pendakwa Raya yang akan ditubuhkan kelak.

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum inisiatif ini turut berada dalam NACP dan tempoh pelaksanaan NACP adalah sehingga 2023. Apabila laporan kajian ini siap sepenuhnya, ia akan dibentangkan kepada kerajaan semula untuk keputusan sama ada akan melaksanakan agenda yang berkaitan cadangan memisahkan fungsi Peguam Negara dan Pendakwa Raya.

Memandangkan cadangan pemisahan ini memerlukan pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan, maka Kerajaan perlu berhati-hati dalam perkara yang menyentuh kuasa Pendakwa Raya di bawah Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan dan keanggotaan Pendakwa Raya dalam Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman & Perundangan di bawah Perkara 138 Perlembagaan Persekutuan.

Selanjutnya, isu sama ada terdapat halangan dalam melaksanakan pengasingan jawatan Pendakwa Raya dan Peguam Negara masih belum dapat dikenal pasti dan juga keperluan untuk meletakkan Pendakwa Raya di bawah kuasa Parlimen dan bukan Perdana Menteri belum dapat dimuktamadkan sehingga diadakan pembentangan hasil kajian kepada pihak Kerajaan.

Berhubung dengan cadangan supaya Peguam Negara menjadi anggota Jemaah Menteri, Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan tidak menghalang anggota Jemaah Menteri untuk dilantik sebagai Peguam Negara sekiranya calon tersebut memenuhi prasyarat kelayakan seorang hakim Mahkamah Persekutuan di bawah Perkara 123 Perlembagaan Persekutuan. Berdasarkan Perkara 123 Perlembagaan Persekutuan, syarat kelayakan seseorang untuk dilantik sebagai hakim Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Tinggi adalah seperti yang berikut:

- (a) seorang warganegara; dan
- (b) bagi tempoh sepuluh tahun sebelum pelantikannya, dia telah menjadi peguam bela bagi mahkamah-mahkamah itu atau mana-mana satu daripada mahkamah itu, atau menjadi anggota perkhidmatan kehakiman dan perundangan Persekutuan atau perkhidmatan perundangan sesuatu Negeri, atau pada suatu masa menjadi peguam bela dan pada suatu masa lain berkhidmat sebagai anggota perkhidmatan kehakiman dan perundangan Persekutuan atau perkhidmatan perundangan sesuatu Negeri.

Setakat ini dua orang anggota Jemaah Menteri pernah dilantik sebagai Peguam Negara iaitu Tan Sri Datuk Haji Abdul Kadir bin Yusof (1963-1977) dan Tan Sri Datuk Hj Hamzah bin Datuk Abu Samah (1977-1980).

Sekian, terima kasih.